

P.U. (A) 224.

AKTA INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) 1975PERINTAH INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN
MALAYSIA (PENGUBAHSUAIAN) 1976

Akta 157. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 50 (1) Akta Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975, Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Pengubahsuaian) 1976**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 16 hari-bulan September 1975.

Pengubahsuaian. 2. Peruntukan-peruntukan peralihan yang terkandung dalam Bahagian IX Akta itu adalah diubahsuai dengan—

(a) menomborkan semula peruntukan-peruntukan seksyen 42 yang ada sekarang sebagai seksyen-kecil (1) dan memasukkan seksyen-kecil baru (2) yang berikut:

“(2) Semua rujukan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai sesuatu badan yang dibubarkan hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, ditafsirkan sebagai rujukan mengenai Institiut, dan semua rujukan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Pengarah Institiut Piawaian Malaysia atau Pengarah Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, ditafsirkan sebagai rujukan mengenai Pengawal Institiut.”;

(b) menggantikan angka “19” yang terdapat dalam seksyen 49 (1) dengan angka “18”; dan

(c) menggantikan angka “18” yang terdapat dalam seksyen 49 (2) dengan angka “19”.

Diperbuat pada 7 haribulan Julai 1976.
[8047/Jld. III (71); PN. (PU²) 298.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
*Menteri Sains, Teknologi dan
Alam Sekitar*

STANDARDS AND INDUSTRIAL RESEARCH INSTITUTE
OF MALAYSIA (INCORPORATION) ACT 1975STANDARDS AND INDUSTRIAL RESEARCH INSTITUTE OF MALAYSIA
(MODIFICATION) ORDER 1976

Act 157. IN exercise of the powers conferred by section 50 (1) of the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (Incorporation) Act 1975, the Minister makes the following order:

Citation and commencement. 1. This order may be cited as the **Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (Modification) Order 1976**, and shall be deemed to have come into operation on the 16th September 1975.

Modifications. 2. The transitional provisions contained in Part IX of the Act are modified by—

(a) renumbering the existing provisions of section 42 as subsection (1) and inserting the following new subsection (2):

“(2) All reference in any written law to a dissolved body shall upon the commencement of this Act be construed as

references to the Institute, and all references in any written law to the Director of the Standards Institution of Malaysia or the Director of the National Institute for Scientific and Industrial Research shall upon the commencement of this Act be construed as references to the Controller of the Institute.”;

- (b) substituting the figure “18” for the figure “19” appearing in section 49 (1); and
- (c) substituting the figure “19” for the figure “18” appearing in section 49 (2).

Made this 7th day of July 1976.
[8047/Jld. III (71); PN. (PU²) 298.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
*Minister of Science, Technology
and Environment*

P.U. (A) 225.

AKTA MAHKAMAH KEADILAN 1964

PERATURAN-PERATURAN (RIHAT) MAHKAMAH TINGGI 1976

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 21 Akta Mahkamah Keadilan 1964, Hakim Besar dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut: Akta 91.

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan (Rihat) Mahkamah Tinggi 1976.** Nama.
2. Mahkamah Tinggi akan berihat pada tarikh-tarikh yang berikut dalam tahun 1976: Tempoh rihat.
 - (a) Isnin, 26hb Julai 1976 hingga Sabtu, 7hb Ogos 1976;
 - (b) Jumaat, 17hb Disember 1976 hingga Jumaat, 31hb Disember 1976.
3. Pejabat-pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi akan dibuka untuk urusan awam dalam masa rihat itu dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari pada hari-hari kerja. Urusan awam.
4. Tiap-tiap perbuatan yang dilakukan oleh seseorang Hakim atau Pegawai Mahkamah Tinggi atau mana-mana pihak dalam masa rihat itu adalah berkuatkuasa seolah-olah dilakukan dalam keadaan biasa. Perbuatan Hakim atau Pegawai Mahkamah Tinggi.
5. Rihat itu tidaklah berkuatkuasa bagi melanjutkan masa bagi melakukan apa-apa perbuatan di dalam Mahkamah Tinggi. Rihat tidak berkuatkuasa melanjutkan masa.
6. Apa-apa saman atau lain-lain langkah pembicaraan yang difailkan dalam masa atau sebelum rihat yang tersebut dan yang dikehendaki dibentang di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi dalam masa rihat yang tersebut hendaklah disertai dengan satu perakuan segera yang ditandatangani oleh seorang Peguambela dan Peguamcara dan sesudah itu hendaklah diperiksa oleh Pendaftar Mahkamah yang jika berpuashati bahawa perkara itu berkehendakkan tindakan segera, hendaklah menyebabkan langkah pembicaraan itu dikemukakan kepada seorang Hakim untuk mendapat arahnya: Saman atau lain-lain langkah pembicaraan yang difailkan dalam masa atau sebelum rihat.

Dengan syarat bahawa apabila pihak-pihak yang berkenaan hadir sendiri, atau jika oleh kerana sebab-sebab lain yang cukup perakuan segera tersebut tidak dapat diadakan, maka mengikut budibicaranya Pendaftar bolehlah mengecualikan perakuan ini.

Diperbuat pada 6 haribulan Julai 1976.
[RSC. 140-13; PN. (PU²) 153.]

S. S. GILL,
*Hakim Besar,
Mahkamah Tinggi, Malaya*